

21/07/1997

4 penjagaan utama kesihatan dikenal pasti

KUALA LUMPUR, Ahad - Empat perkara utama bidang penjagaan kesihatan dan perubatan dikenal pasti dalam permohonan tender cadangan konsep yang akan digabungkan dalam Teleperubatan, satu daripada tujuh projek utama Koridor Raya Multimedia, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman.

Empat perkara itu ialah pelan kesihatan sepanjang hayat, teleperundingan, pembelajaran perubatan secara berterusan serta pendidikan dan maklumat kesihatan untuk individu dan orang ramai.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan seminar teleperubatan anjuran Persatuan Perubatan Malaysia di Hospital Kuala Lumpur, beliau berkata, keempat-empat aplikasi itu bermatlamat memberi kemudahan perkhidmatan perubatan berkualiti dan lebih berkesan kepada rakyat.

Dr Abu Bakar berkata, tender cadangan konsep untuk teleperubatan itu akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini bersama tiga aplikasi lain iaitu tender cadangan konsep untuk kerajaan elektronik, sekolah bestari dan kad pintar.

Menurutnya, sepasukan pelaksana di kalangan 16 syarikat multinasional dan tempatan serta pegawai kesihatan di Kementerian Kesihatan bergabung tenaga dan berusaha menyiapkan sistem dan aplikasi standard perubatan global serta pelan induk teleperubatan bulan lalu.

Katanya, melalui pelan kesihatan sepanjang hayat, seseorang individu akan diberitahu mengenai kesihatan dan perancangan menjaga kesihatan bukan hanya ketika mereka sakit malah penjagaan kesihatan seumur hidup oleh doktor perubatan atau pakar profesional melalui rangkaian multimedia.

(END)